

6 MAC 2018

Syabu bernilai RM14.1 juta dirampas

12 NEGARA

KOSMO! SELASA 6 MAC 2018

Polis bongkar sindiket edar dadah seberat 201.3kg guna bungkus teh

Syabu bernilai RM14.1 juta dirampas

Oleh DIYANATUL LATIQAH ZAKARYA
dan MALINDA ABDUL MALIK

MELAKA — Polis berjaya membongkar sindiket pengedaran dadah terbesar di negeri ini selepas menyerbu sebuah stor penyimpanan di Ayer Keroh sebelum merampas 201.3 kilogram (kg) syabu bernilai RM14.1 juta dalam operasi khas Sabtu lalu.

Serbuan kira-kira pukul 4 petang itu turut menahan tiga lelaki tempatan berusia 32 hingga 47 tahun.

Ketua Pengarah Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, kesemua dadah dipercayai dari jenis syabu itu dibungkus dalam 193 paket menggunakan bungkus teh jenama Guanyinwang sebelum diso-

rokkan di dalam beg pakaian di rumah berkenaan.

"Kita percaya rumah berkenaan telah dijadikan stor penyimpanan dadah sejak dua bulan lalu untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Rampasan ini adalah yang terbesar di Melaka pada tahun ini dan jumlah tersebut mampu menampung bekalan bagi 1 juta penagih dadah," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka di sini semalam.

Mohamad berkata, kesemua bekalan dadah itu dipercayai telah dibawa masuk dari negara jiran.

Katanya, serbuan turut merampas tiga kenderaan iaitu Toyota Hilux, Toyota Vios dan Proton Waja bernilai kira-kira RM150,000 selain wang tunai berjumlah RM450.

"Dua daripada suspek yang

ditahan juga didapati positif dadah methamphetamine, namun ketiga-tiga mereka tidak mempunyai rekod jenayah.

"Mereka kini direman selama lapan hari sehingga 10 Mac depan," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar di Kajang, Mohamad memaklumkan kejayaan menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah didalangi warga tempatan dengan merampas dadah pelbagai jenis bernilai RM6.2 juta dalam serbuan di sekitar ibu negara, Selangor dan Johor.

Jelasnya, serbuan bermula Sabtu lalu turut menahan lima suspek termasuk seorang wanita.

"Antara yang dirampas ialah 43.7kg syabu, pil ekstasi (53.95kg), heroin (31.40kg), ketamin (3.75kg) serta 2,000 biji pil eramin 5," katanya.



MOHAMAD (tiga dari kiri) menunjukkan bungkus berisi syabu yang dirampas dalam serbuan di sebuah stor penyimpanan dadah di Ayer Keroh, Melaka pada sidang akhbar di IPK Melaka semalam.